



Headline: 'Bijak pandai' pun terkena jua
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 17 May 2022

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 3

'Bijak pandai' pun terkena jua

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Mereka berpendidikan tinggi, malah ramai antaranya memegang jawatan utama dalam jabatan kerajaan, syarikat swasta, tokoh politik termasuk pakar dalam bidang tertentu serta golongan profesional berpendapatan lima angka sebulan.

Malangnya semua itu bukan jaminan mereka bijak menilai dan berhati-hati ketika berhadapan dengan tipu helah golongan penipu atau scammer yang hanya bermodalkan panggilan telefon.


Ini dibuktikan apabila lebih 60 peratus mangsa yang diperdaya golongan scammer menyamar sebagai polis, pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bank Negara Malaysia (BNM) atau Kastam Diraja Malaysia (KDRM) membabitkan golongan profesional ahli politik termasuk T20 iaitu golongan dengan pendapatan isi rumah melebihi RM10,971 sebulan.

Peningkatan kes ini menimbulkan persoalan sama ada golongan 'bijak pandai' ini tidak terdedah dengan sumber maklumat semasa berhubung kes-kes penipuan 'populer' di Malaysia atau tidak cakna dengan isu semasa.

Walaupun banyak tangkapan dilakukan polis dan turut disiarkan di media massa namun kes penipuan scammer tetap berlaku dan angka kes meningkat saban tahun.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengategorikan

Majoriti mangsa diperdaya sindiket scammer terdiri dari golongan profesional



Sindiket pandai memujuk rayu dan sudah bersedia dengan skrip khas bagi memastikan lakonan mereka benar-benar hidup

Shahul Hamid

penipuan ini kepada beberapa jenis seperti Macau Scam, Love Scam, Parcel Scam, menyamar sebagai rakan atau kenalan di mana mangsa membabitkan pelbagai latar belakang sama ada individu profesional, kelas menengah mahupun warga tua.

Malah, sepanjang tahun lalu iaitu ketika negara dilanda pandemik Covid-19,

kes penipuan Macau Scam merekodkan lebih 1,585 kes membabitkan kerugian RM580.88 juta.

Perkara itu didedahkan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd Kamarudin Md Din yang memaklumkan 9,646 individu ditahan sepanjang tahun lalu kerana disyaki terbabat dengan kegiatan itu.

Mengulas mengenai isu itu, penganalisis jenayah, Shahul Hamid Abdul Rahim berkata, lalai dan tidak peka dengan keadaan persekitaran dan bersikap tidak ambil peduli menyebabkan kes Macau Scam di negara ini terus berlaku.

"Walaupun kes ini banyak disiarkan di media sosial dan media arus perdana namun jumlah mangsa tidak menunjukkan penurunan. "Pelbagai agensi memba-

bitkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan agensi lain memberi nasihat dan amaran supaya tidak menjadi mangsa namun ternyata ia tetap berlaku.

"Sikap tidak kisah dan tidak mahu ambil tahu meyakinkan diri apabila mereka pula menjadi mangsa sindiket terbabat," katanya kepada Harian Metro.

Shahul Hamid berkata, faktor keduanya terletak kepada kelemahan diri masing-masing apabila mudah terpedaya dengan pujuk rayu atau gertakan suspek.

"Ini menyebabkan mangsa mudah kecundang dengan taktik penipuan sindiket. Selain itu ada dalam kalangan mangsa ini mempunyai simpanan duit yang banyak di dalam bank.

"Malah, sindiket pandai memujuk rayu dan sudah bersedia dengan skrip khas bagi memastikan lakonan mereka benar-benar hidup," katanya.

Beliau berkata, jika ada

sindiket menyamar sebagai pegawai polis, kastam, LHDN atau sebagainya, individu menerima panggilan tidak harus panik dan perlu semak terlebih dahulu dengan pihak berkuasa.

"Pihak berkuasa tidak akan hubungi melalui telefon jika ingin hantar waran. Begitu juga dengan cukai LHDN yang tertunggak, pegawai LHDN tidak akan hubungi terus individu bermasalah," katanya.

Seorang lagi penganalisis jenayah Kamal Affendi pula berkata, penipuan scammer ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu tidak sangka menjadi mangsa dan satu lagi memandang remeh nasihat diberikan.

"Ada mangsa beranggapan 'status' kedudukan mereka yang berpendidikan tinggi, bekerjaya sebagai doktor, peguam, pensyarah dan sebagai menyebabkan mereka tidak mudah menjadi sasaran sindiket.

"Malangnya mereka ini tersalah tanggap dan memandang ringan isu mem-



Ramai antara golongan profesional ini enggan mengakui menjadi mangsa kerana lebih memikrkan imej dan reputasi

Kamal Affendi

babitkan penipuan ini. Alasannya apabila disoal siasat polis, mereka mendakwa tidak sangka ditipu.

"Apa yang jelas, mereka meremehkan nasihat diberikan berkaitan penipuan ini. Ramai antara golongan profesional ini enggan mengakui menjadi mangsa kerana lebih memikrkan imej dan reputasi," katanya.



SERAMAI 9,646 individu ditahan PDRM sepanjang tahun lalu kerana disyaki terbabat dalam kegiatan penipuan.